


# Kerapu 100 kilogram masuk bubu nelayan

SH 27/2/2021 m/s 29

**DUNGUN** - Seekor kerapu kertang seberat hampir 100 kilogram (kg) berjaya ditangkap seorang nelayan dari Kampung Seberang Pintasan di sini menggunakan bubu bersaiz gergasi yang dihasilkannya pada Khamis.

Bahiyuddin Awang Harun, 35, berkata, beliau tidak menyangka bubu sebesar 1.82 meter lebar dan 2.43 meter panjang yang ditahan lebih seminggu pada jarak kira-kira 45 batu nautika dari perairan Dungun itu dimasuki

FOTO: IHSAN BAHIYUDDIN AWANG HARUN



Bahiyuddin bersama seekor kerapu kertang bersaiz gergasi yang berjaya ditangkap menggunakan bubu berhampiran perairan Dungun.

ikan berkenaan.

Katanya, bubu berkenaan dinaikkan jam 4 petang pada Khamis.

"Bubu bersaiz besar ini saya turunkan ke laut sejak lebih seminggu iaitu pada 16 Februari lalu. Tak sangka pula mengena seekor ikan kerapu bersaiz besar.

"Sepanjang 19 tahun jadi nelayan ini kali pertama saya dapat ikan kerapu saiz besar. Sebelum ini pernah dapat ikan yu seberat 100kg," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Jumaat.

Katanya, ikan yang dianggarkan berharga RM35 hingga RM50 se-kilogram yang kebiasaannya dihidangkan di restoran itu dijual kepada peraih pada harga RM2,100.

Dalam pada itu katanya, setakat ini beliau menghasilkan enam bubu saiz besar sejak November tahun lalu.

Katanya, inisiatif menghasilkan bubu dilakukan kerana kesukaran mendapatkan ikan ekoran persaingan tinggi ditambah dengan keadaan cuaca tidak menentu sepanjang musim tengkujuh hujung tahun lalu.

"Nelayan dahulu ramai yang buat bubu saiz besar, tetapi sekarang tidak ramai yang berani cuba kerana kebanyakannya yang ditahan hilang kerana masuk ke dalam pukat tunda."

"Saya berani tahan bubu besar ini kerana saya sudah kenal pasti lokasi sesuai untuk memasangnya," katanya.